

RUNTUH...kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melakukan kerja pembersihan tanah runtuh berhampiran Jalan Mahameru.



Air naik 2 meter

6 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan berikutan bah malam tadi

GOMBAK: Hujan lebat tanpa henti petang semalam, menyebabkan beberapa kawasan dilanda banjir termasuk kampung di sekitar daerah ini ditenggelami air lebih dua meter.

Antara kampung yang terbabit ialah Kampung Nakhoda, Kampung Laksamana dan Kampung Ulu Yam Bharu menyebabkan tiga jentera bomba dan bot selain Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dikejarkan ke lokasi

berkenaan.

Sehingga jam 10 malam tadi, lebih enam keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan sementara berikutan air naik.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba

dan Penyelamat Selangor, Sani Harul berkata, pihaknya menerima panggilan orang awam jam 7.30 malam memaklumkan air semakin naik.

Katanya, sehingga jam 10 malam tadi, operasi mengeluarkan mangsa banjir dari rumah mereka masih dijalankan dan JKM turut membuka pusat pemindahan.

Sementara itu di Kuala Lumpur, beberapa kawasan turut dinaiki air iaitu Jalan Loke Yew menghala Cheras dan Bulatan Cheras.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Azizan Ismail berkata, berlaku runtutan tebing di Jalan Mahameru sebelum susur Sentul Link menyebabkan kesesakan teruk.



SESAK...keadaan trafik di Jalan Loke Yew menuju ibu kota, malam tadi.

Fakta

Sehingga 10 malam tadi, operasi mengeluarkan mangsa banjir dijalankan dan JKM turut membuka pusat pemindahan